

PR1MA Pahang tawar rumah RM80,000

» 160 unit kediaman babit kos RM54.37 juta dijangka siap dua tahun lagi

Rompin

Rakyat negeri ini berpeluang membeli rumah serendah RM80,000 di kawasan bandar menerusi projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Pahang yang diumumkan semalam.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, pada masa ini rumah PR1MA Pahang yang diperkenalkan sejak dua tahun lalu dijual pada harga RM125,000 sehingga RM150,000.

“Kerajaan memutuskan untuk bina rumah berharga RM80,000 dalam projek perumahan yang membabitkan rumah bernilai RM125,000, RM150,000 atau lebih tinggi bagi membolehkan pemaju dapat menampung kos pembinaan rumah berharga RM80,000 se-

lain mengenakan caj royalti tanah yang nominal.

Peluang miliki rumah

“Kita tidak tetapkan peratus jumlah rumah RM80,000 dibina dalam sesuatu projek. Kalau dapat 20 peratus pun boleh dikira bagus untuk beri peluang kepada rakyat memiliki rumah sendiri,” katanya pada sidang media selepas majlis pecah tanah projek PR1MA di Pontian Jaya, dekat sini, semalam.

Pembinaan sebanyak 160 unit rumah PR1MA Pahang membabitkan kos RM54.37 juta di tapak seluas 18 hektar, kira-kira 10 kilometer dari pusat bandar Kuala Rompin itu dijangka siap dalam tempoh 24 bulan.

Adnan berkata, kerajaan Pahang komited menyediakan lebih banyak rumah mampu milik bagi membolehkan rakyat dapat menikmati kehidupan selesa dan setakat ini kira-kira 27,000 unit rumah PR1MA sedang dalam pembinaan.



“Ketika melancarkan PR1MA Pahang, kita sasaran untuk membina 15,000 unit rumah dalam tempoh lima tahun tetapi baru dua ta-

hun pelaksanaannya kita sudah luluskan kira-kira 27,000 unit rumah di 69 lokasi seluruh negeri.

“Sebanyak 1,000 unit rumah sudah siap iaitu di Gambang dan

Bera yang bakal dirasmikan pada Jun ini, ia adalah kumpulan pertama rumah PR1MA yang berjaya disiapkan,” katanya.

Puji usaha kerajaan

Sementara itu, penduduk dari Kampung Sepakat, Norissalwa Ibrahim, 32, memuji usaha kerajaan memperkenalkan rumah PR1MA Pahang yang memberi harapan kepada mereka memiliki

rumah sendiri.

“Saya datang hari ini untuk mendapatkan maklumat dan mendaftar bagi membeli rumah berkenaan, saya, suami dan dua anak kini tinggal di rumah sewa di Tanjung Gemok.

“Ini peluang kami memiliki kediaman sendiri, rumah yang mempunyai tiga bilik itu amat selesa dan lokasinya terletak tidak jauh dari bandar,” katanya.

Adnan (kanan) diberi penerangan daripada Pengerusi Kencana Bersatu, Datuk Mohamad Saib (kiri) ketika meninjau penaja masjid sempena majlis pecah tanah Masjid Bandar Satelit Muadzam Shah, semalam.

[FOTO BERNAMA]

BH
5/5/2015
mls 9